

MANFAATKAN USIA EMAS DENGAN TERUS BERBAKTI

Nurul Izzati binti Shikh Awadz, 1172562,

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 19 Ogos 2020

Sebahagian anggota masyarakat beranggapan bahawa golongan warga emas sepatutnya berehat sahaja dan tidak perlu menyumbang ke arah pembangunan diri dan negara. Tanggapan ini salah dan harus dikikis.

Kita sepatutnya menghargai segala jasa mereka. Malah, semua agama di dunia mewajibkan penganutnya menghormati dan menghargai segala jasa golongan warga emas.

Banyak perkara boleh dilakukan oleh warga emas ke arah pembangunan bangsa, agama dan negara. Golongan ini boleh terus melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dengan menyumbang idea yang bernas berdasarkan pengalaman yang telah dilalui.

Yang paling penting adalah semangat untuk hidup dan memberi sumbangan yang berguna kepada manusia di sekeliling dengan melakukan kerja-kerja yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Contohnya, seorang bekas guru boleh mengajar kelas tambahan kepada pelajar-pelajar di kawasan kejirannya manakala seorang profesor boleh menulis artikel-artikel ilmiah yang bersesuaian dengan bidangnya agar tulisan beliau itu dapat dijadikan bahan rujukan oleh masyarakat umum.

Selain itu, bekas-bekas guru agama boleh juga mengajar bacaan al-Quran kepada anak-anak di sekitar rumahnya.

Bagi yang mempunyai kemahiran, misalnya bertukang, melukis atau menjahit, boleh menggunakan bakat itu untuk menjana pendapatan sampingan.



Usia bukan penghalang untuk meneruskan minat terhadap lukisan.

Sesungguhnya, warga emas adalah lebih bijaksana dalam menentukan apa yang ingin mereka sumbangkan kepada masyarakat.

Walaupun sumbangan yang diberikan itu kelihatannya kecil, golongan ini tidak perlu berasa rendah diri atau menyangka usaha mereka adalah sia-sia. Sumbangan yang diberikan itu pasti mempunyai impak yang besar.

Mungkin ada sesetengah warga emas yang berpendapat bahawa masa tua adalah untuk mereka berehat setelah sekian lama bekerja atau membesarkan anak-anak.

Namun, pendapat sebegini adalah tidak tepat kerana sikap tersebut akan hanya mempersia-siakan kebolehan dan ilmu yang sepatutnya dimanfaatkan untuk membantu usaha membangunkan negara.



Seorang warga emas mengajar cucu-cucunya ilmu tajwid di rumah sepanjang PKP.

Ada juga yang berpendapat bahawa jika golongan warga emas ini hanya mahu berehat, mereka akan lebih mudah jatuh sakit.

Bagi memastikan sumbangan yang lebih berkesan, kesihatan golongan warga emas perlu diberi perhatian.

Di samping itu, penjagaan makanan dan pengambilan makanan tambahan juga adalah amat digalakkan.

Pada masa yang sama, golongan warga emas perlu sentiasa bersikap terbuka, senang didekati dan bersedia bertukar-tukar idea dengan golongan muda agar percambahan ilmu antara mereka dan golongan muda dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Sememangnya, usia yang semakin meningkat bukan penghalang untuk warga emas menyumbang kepada bangsa, agama dan negara.

Meskipun tenaga tidak lagi segar dahulu, pemikiran mereka amat diperlukan bagi membimbing generasi yang lebih muda mengharungi pelbagai cabaran dalam kehidupan mereka.